

Setempat**Kajian: Paras laut boleh melebihi 1 meter menjelang 2100 jika pancaran, pemanasan global tidak terkawal**[HARITH MUSTAFFA](#)

May 08, 2020 | 08:11 PM



 **BOLEH MENINGKAT:** Paras air laut dijangka naik setinggi setengah meter pada 2100 dan antara setengah hingga dua meter menjelang 2300. - FOTO: ALPHONSUS CHERN

PARA ahli sains, dalam satu kajian antarabangsa yang diterajui Universiti Teknologi Nanyang, mendapati bahawa peningkatan paras laut secara purata boleh melebihi 1 meter menjelang 2100 dan 5 meter pada 2300 jika sasaran pemancaran sedunia tidak dicapai.

Dalam satu kenyataan bersama pada Jumaat (8 Mei), kajian itu yang berdasarkan unjuran oleh lebih 100 pakar antarabangsa yang telah mengkaji perubahan paras laut dalam dua senario iklim,; iaitu keadaan yang menyaksikan taraf pancaran yang tinggi dan juga yang rendah.

Kajian itu mendapati bahawa dalam keadaan pancaran yang rendah, iaitu yang menyaksikan pemanasan global yang dihadkan suhu taraf atas praindustri sehangat dua darjah selsius, paras laut dijangka naik setinggi setengah meter pada 2100 dan antara setengah hingga dua meter menjelang 2300.